



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

# SIARAN MEDIA

---

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN DAN PRE 2020 MENGEMBALIKAN MOMENTUM PERKEMBANGAN EKONOMI PULAU LABUAN

**LABUAN, 7 Jun 2020** – Hari ini saya meninjau tapak projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 di sekitar Wilayah Persekutuan Labuan. Tinjauan di tapak adalah untuk memastikan kemajuan pelaksanaan projek-projek pembangunan di Pulau Labuan ini mengikut jadual yang sepatutnya dan tidak lewat sehingga menjadi projek sakit.

Projek Jalan Pesisir Pantai Membedai yang dilancarkan pada 19 Disember 2017 ini telah siap 75% dan dijangka akan siap sepenuhnya pada April 2021. Sepatutnya projek ini siap sepenuhnya pada Disember 2020 tetapi disebabkan oleh arahan kerajaan untuk mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020, tempoh siap projek ini terpaksa dilanjutkan. Projek pembinaan jalan sepanjang 5.1km ini pastinya memberikan manfaat kepada seluruh penduduk Labuan. Selain pembinaan jajaran jalan baharu sepanjang 4.4km, melalui projek ini juga turut menaiktaraf 1.1km jalan yang sedia ada termasuk pembinaan tiga (3) *roundbout* dan dua (2) buah persimpangan berlampu isyarat.

Projek pembinaan jalan yang menelan belanja sebanyak RM156juta bertujuan untuk mewujudkan laluan alternatif bagi Jalan Tun Mustapha. Jajaran sepanjang pesisiran pantai ini bermula dari Jalan Sawangan Cina di Membedai sehingga ke Jalan Batu Arang berhampiran Sekolah Antarabangsa Labuan yang akan melalui beberapa kawasan kampung seperti Kg. Nagalang, Kg. Kerupang 1, Kg. Kerupang 2 dan Kg. Kerupang 3. Dengan siapnya projek ini, masalah kesesakan lalu lintas di laluan utama dapat dikurangkan. Projek ini juga dapat memperkukuhkan jaringan infrastruktur jalan raya di Wilayah Persekutuan Labuan.

Manakala, Projek Pembinaan Semula Dewan Komuniti Kg. Patau-Patau 1 dan Naiktaraf Jalan Kampung bakal menggantikan dewan komuniti sedia ada yang telah dibina 32 tahun dahulu. Keadaan dewan yang uzur tersebut bakal digantikan dengan dewan baharu berkeluasan 3300 kaki persegi. Dewan Komuniti ini akan menjadi pusat komuniti pentadbiran kampung yang lebih sistematik selain boleh digunakan sebagai pusat aktiviti secara berpusat yang lebih mudah untuk dikawal selia. Dewan ini juga akan memainkan peranan sebagai pusat aktiviti pelancongan.

Selain itu, sebanyak RM1.5juta peruntukan untuk Tabung Penyelenggaraan Wilayah Persekutuan bagi WP Labuan disalurkan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) 2020. Tujuan tambahan peruntukan diberikan adalah untuk merangsang kembali ekonomi penduduk Labuan yang terjejas teruk akibat wabak COVID-19 dan pelaksanaan PKP. Peruntukan ini digunakan untuk melaksanakan tiga projek pembaikan kerosakan am yang melibatkan Taman Mutiara Blok L dan M serta Perumahan Awam Taman Sungai Berdaun.

Antara kerja-kerja yang dilaksanakan di bawah PRE 2020 ini adalah membaikpulih Surau Ar-Rayyan dan Surau As-Syakirin di Taman Mutiara, kerja-kerja pendawaian dan baikpulih Dewan Serbaguna Taman Mutiara, penyelenggaraan jalan, longkang, pembentungan, susur tangga dan kerja-kerja lain yang berkaitan dengan Perumahan Kos Sederhana di Taman Mutiara. Manakala bagi Perumahan Awam Taman Sungai Bedaun, sebanyak RM500,000 telah diperuntukan bagi penyediaan tempat letak kereta, penambahbaikan jalan konkrit serta infrastruktur awam seperti perhentian bas, tandas, dan longkang. Semua projek pembaikan ini akan bermula pada bulan ini dan dijangka selesai sepenuhnya pada Ogos 2020.

Bagi aspek pembangunan utiliti awam, KWP dan PL serta Jabatan Bekalan Air (JBA) sedang dalam tindakan untuk menaik taraf infrastruktur dan kualiti bekalan air di Labuan. Gangguan bekalan air yang kerap berlaku adalah berpunca daripada kerja-kerja berkaitan infrastruktur seperti penyelenggaraan, baik pulih, naik taraf dan pemindahan paip-paip dan bukan kerana masalah ketidakcukupan sumber air.

Di bawah RMK-12 yang akan bermula pada tahun 2021, satu cadangan projek baharu iaitu kerja penggantian paip agihan jenis Asbestos Cement (AC) sepanjang 15 kilometer (km) di tiga (3) buah kampung telah dipertimbangkan untuk dilaksanakan. Projek ini akan dimulakan pada tahun 2021 dan dijangka siap pada tahun 2027 dengan kos sebanyak RM68 juta. Kampung yang terlibat ialah Kg. Air Patau-Patau 2, Kampung Bebuloh Laut dan Kampung Ranca-Ranca Laut. Kesemua kampung tersebut pada masa ini masih lagi mempunyai sistem bekalan air yang berkeadaan daif dan sering mengalami kebocoran.

Selain daripada projek-projek yang dinyatakan di atas, Bahagian Bekalan Air (BBA) di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) juga sedang merangka beberapa projek yang akan dilaksanakan di masa hadapan seperti berikut:

- i. Projek penggantian paip di seluruh Labuan secara berperingkat dan mengikut keutamaan serta kelulusan peruntukan di peringkat Kerajaan Pusat.
- ii. Penggantian paip air mentah dari Empangan Bukit Kuda/Kerupang ke Loji Jalan Kolam.
- iii. Projek berkaitan sumber air seperti berikut:
  - a. Pembinaan Off-River Storage Kina Benua, termasuk Loji Air dan lain-lain kerja-kerja berkaitan
  - b. Pembinaan Coastal Reservoir di Ganggarak
  - c. Pembinaan paip dasar laut dan Loji Air Beaufort Fasa III

Kementerian berharap pelaksanaan projek-projek pembangunan di Wilayah Persekutuan Labuan ini dapat meningkatkan taraf kemudahan awam dan mutu kehidupan rakyat. Ini secara langsung akan dapat meningkatkan sektor pelancongan selain mewujudkan persekitaraan yang kondusif dan berdaya huni untuk semua warga Labuan. Pakej Rangsangan Ekonomi ini dapat membantu mengembalikan momentum ekonomi Wilayah Persekutuan Labuan.

**YB Tan Sri TPr Annuar Bin Haji Musa**  
**Menteri Wilayah Persekutuan**  
**7 Jun 2020**